

PENGLIBATAN KOMUNITI SETEMPAT DALAM AKTIVITI EKOPELANCONGAN DAN CABARAN DI KAMPUNG MELANGKAP, KOTA BELUD, SABAH, MALAYSIA

Mohamad Khalif Fiqri Mohd Rusdy@Suis¹, Rosazman Hussin² & Andreas
Pingking³

^{1&3}Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

²Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah

Corresponding Author (s): Rosazman Hussin (email: azzs@ums.edu.my)

ABSTRAK

Isu utama penglibatan komuniti setempat dalam aktiviti ekopelancongan adalah berkaitan tentang faedah sosio-ekonomi yang diperolehi yang berterusan dan penjagaan alam semulajadi yang mampan. Kajian ini bertujuan untuk meneliti bentuk penglibatan komuniti setempat dalam aktiviti ekopelancongan serta mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh pengusaha homestay di Kampung Melangkap, Kota Belud, Sabah, Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah temu bual mendalam, pemerhatian lapangan dan analisis data sekunder bagi mendapatkan gambaran tentang penglibatan komuniti dalam sektor ekopelancongan. Hasil kajian mendapati bahawa ahli komuniti tempatan memainkan peranan penting dalam mengurus dan memajukan aktiviti pelancongan berasaskan alam semula jadi seperti homestay, *river tubing*, lawatan dusun dan perkhemahan. Faktor utama yang mendorong penglibatan komuniti ialah peluang ekonomi, peningkatan permintaan terhadap penginapan serta pertambahan jumlah pelancong. Namun begitu, terdapat empat cabaran dikenal pasti termasuk kelemahan struktur pengurusan organisasi, kekurangan infrastruktur asas, kekangan modal kewangan, dan persaingan antara pengusaha homestay. Kajian ini mencadangkan agar perancangan strategik, peningkatan keupayaan komuniti, penambahbaikan kemudahan asas dan promosi secara bersepadu dilaksanakan bagi memastikan pembangunan ekopelancongan di Kampung Melangkap terus mampan dan berdaya saing.

Kata Kunci: Ekopelancongan, Penglibatan komuniti, Homestay, Komuniti setempat.

ABSTRACT

The main issue regarding community participation in ecotourism activities is about sustainable socioeconomic benefits and natural biodiversity resources. This study aims to examine the forms of local community participation in ecotourism activities and to identify the challenges faced by homestay operators in Kampung Melangkap, Kota Belud, Sabah, Malaysia. Employing a qualitative approach through in-depth interviews, field observations, and secondary data analysis, this research provides a comprehensive understanding of community involvement in ecotourism development. The findings reveal that the local community plays a vital role in managing and promoting nature-based tourism activities such as homestay-related activities, river tubing, orchard visits, and camping. The main factors driving community participation include economic opportunities, increasing demand for accommodation, and the growing number of tourists. However, several challenges were identified, including weak organizational management structures, insufficient basic infrastructure, limited financial resources, and competition among homestay operators. The study suggests that strategic planning, community capacity building, infrastructure improvement, and integrated promotional efforts are essential to ensure sustainable and competitive ecotourism development in Kampung Melangkap.

Keywords: *Ecotourism, Community participation, homestay, Local Community*

Pengenalan

Ekopelancongan merupakan bentuk pelancongan yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar yang melibatkan lawatan ke kawasan semula jadi dengan tujuan untuk menikmati serta menghargai keindahan, flora, fauna dan budaya tempatan. Ia dijalankan dengan cara yang meminimumkan kesan negatif terhadap alam sekitar serta memberi manfaat ekonomi dan sosial kepada komuniti setempat. Ekopelancongan juga menekankan elemen

pendidikan alam sekitar dan pemeliharaan sumber semula jadi untuk generasi yang akan datang. Menurut Prasetyo et al. (2025), ekopelancongan ialah satu bentuk pelancongan yang berasaskan alam semula jadi yang mempunyai elemen pendidikan dan konservasi serta melibatkan penglibatan aktif masyarakat setempat dalam penyediaan perkhidmatan pelancongan.

Di Malaysia, khususnya di Sabah yang terkenal dengan keindahan semula jadi dan kepelbagaian biodiversitinya, aktiviti ekopelancongan berpotensi besar untuk berkembang. Salah satu kawasan yang menunjukkan pertumbuhan dalam sektor ini ialah Kampung Melangkap, Kota Belud. Menurut Jafar et al. (2022), Kampung Melangkap telah dikenali sebagai salah satu destinasi ekopelancongan dengan tarikan seperti Sungai Panataran yang jernih, pemandangan Gunung Kinabalu yang menakjubkan serta kemudahan homestay yang diusahakan oleh penduduk tempatan. Namun, meskipun potensi ekopelancongan di kawasan ini tinggi, penglibatan komuniti setempat masih menghadapi pelbagai cabaran yang wajar dikaji secara mendalam. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti permasalahan yang dihadapi komuniti Kampung Melangkap dalam penglibatan mereka terhadap aktiviti ekopelancongan serta mengenal pasti cabaran yang menghalang pembangunan mampan sektor ini di kawasan tersebut.

Kajian lalu mendedahkan bahawa permasalahan utama yang dihadapi oleh sektor pelancongan ialah *Sustainability* sambutan pelancong ke atas sesuatu kawasan tersebut sebagai destinasi pelancongan (Zakharchenko et al., 2021). Ini bermaksud, walaupun sesebuah kawasan itu mungkin menarik pada peringkat awal, namun dari masa ke masa, tahap kunjungan pelancong boleh menurun sekiranya tidak ada usaha berterusan untuk mengekalkan daya tarikan, kemudahan, dan pengurusan yang mesra alam serta lestari. Masalah ini boleh menjejaskan ekonomi setempat dan kelangsungan sektor pelancongan itu sendiri. Oleh itu, pendekatan yang berfokus kepada mampan amat penting bagi memastikan destinasi pelancongan terus mendapat sambutan dalam jangka masa panjang.

Akibatnya, potensi pelancongan sebagai alat pembangunan ekonomi dan pemuliharaan alam sekitar tidak dapat direalisasikan sepenuhnya. Permasalahan yang wujud bukan sahaja menjejaskan pembangunan mampan pelancongan di kampung ini, tetapi juga mencerminkan cabaran yang turut dialami oleh banyak komuniti luar bandar lain di Sabah. Maka, kajian ini penting untuk mengenal pasti punca sebenar kelemahan dalam mengekalkan mampan sambutan pelancong terhadap sesuatu destinasi pelancongan. Penulisan artikel ini juga mampu memberi sumbangan dalam merangka

strategi pelancongan yang mampan dan berdaya saing, agar destinasi pelancongan terus relevan, menarik dan mampu memberi impak positif kepada komuniti setempat serta ekonomi negara secara keseluruhan.

Sorotan Literatur

Perbincangan sorotan literatur dibahagikan kepada tiga sub-tema iaitu; pendekatan penglibatan komuniti oleh Tosun (2000); konsep utama kajian dan sorotan kajian lepas seperti berikut:

a) Pendekatan Penglibatan Komuniti oleh Tosun (2000)

Tosun (2000) menjelaskan bahawa tahap penglibatan komuniti dalam pelancongan boleh dilihat melalui tiga bentuk utama seperti yang dijelaskan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Pendekatan Penglibatan Komuniti Oleh Tosun (2000)

Jenis Penglibatan Komuniti	Penjelasan
Penglibatan Spontan	<i>Bottom-Up</i> ; melibatkan penglibatan aktif dan langsung komuniti dalam keseluruhan proses pembangunan, termasuk membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat, dan penilaian. Penglibatan ini adalah tulen, di mana komuniti bekerjasama dalam menghasilkan sesuatu, merancang sendiri, dan terlibat secara meluas dalam proses sosial.
Penglibatan Teraruh	<i>Top-Down</i> ; melibatkan penglibatan yang pasif dan formal, di mana komuniti biasanya terlibat secara tidak langsung. Ini sering mewakili tahap simbolik sahaja, seperti manipulasi atau penglibatan palsu. Mereka hanya terlibat dalam pelaksanaan dan berkongsi manfaat, dengan pilihan yang terhad kepada cadangan yang sudah ditentukan, serta memberi maklum balas sahaja.
Penglibatan Paksaan	<i>Top-Down</i> ; bersifat pasif, di mana komuniti biasanya terlibat secara tidak langsung dan formal. Mereka hanya terlibat dalam pelaksanaan tanpa jaminan untuk berkongsi manfaat. Pilihan yang diberikan kepada mereka sangat terhad atau kadangkala tiada pilihan langsung. Ini mencerminkan sikap paternalisme, di mana penglibatan komuniti rendah, dan terdapat unsur simbolik serta manipulasi yang tinggi.

Sumber: Tosun, (2000)

Pendekatan penglibatan komuniti oleh Tosun (2000) menunjukkan bahawa tahap kawalan dan penyertaan komuniti dalam pelancongan boleh berbeza-beza. Dalam konteks ekopelancongan mampan, penglibatan spontan adalah yang paling sesuai kerana ia memastikan komuniti setempat mempunyai autonomi, mendapat manfaat secara adil serta memainkan peranan utama dalam pemuliharaan alam sekitar dan pembangunan sosioekonomi.

Konsep Utama Kajian

a) Konsep Penglibatan Komuniti

Penglibatan komuniti ditakrifkan sebagai satu proses di mana ahli komuniti mengambil bahagian secara aktif dalam membuat keputusan, merancang serta melaksanakan aktiviti yang bertujuan untuk memenuhi keperluan dan menyelesaikan masalah yang mereka hadapi sendiri (Salim & Samah, 2020). Manakala, menurut Reindrawati (2023) penglibatan komuniti ialah suatu mekanisme kolaboratif di mana masyarakat setempat mengambil bahagian bermakna dan berterusan dalam proses penyusunan dan pelaksanaan pelancongan merangkumi akses kepada maklumat, dialog dalam struktur keputusan, perlindungan hak serta perkongsian manfaat. Hal ini kerana ia dapat memastikan pembangunan pelancongan memberi impak positif dan adil kepada komuniti itu sendiri.

Disamping itu, penglibatan komuniti juga dapat didefinisikan sebagai satu proses di mana penduduk setempat memainkan peranan aktif dalam setiap peringkat pembangunan pelancongan termasuk proses perancangan, membuat keputusan dan pelaksanaan (Ibrahim & Lyndon, 2021). Selain itu, komuniti yang terlibat dalam pelancongan bukan sekadar penerima kesan atau manfaat, tetapi turut menentukan arah, merancang projek dan memastikan keperluan serta pandangan mereka dimasukkan ke dalam dasar/destinasi pelancongan (Thetsane, 2019).

Penglibatan ini memberi peluang kepada komuniti untuk turut serta dalam proses membuat keputusan serta berkongsi kuasa secara bersama, iaitu kuasa untuk menentukan arah dan mengawal kehidupan mereka sendiri. Melalui penyertaan ini, komuniti dapat memperkukuh keupayaan, kemahiran, dan potensi mereka dalam menangani pelbagai cabaran sosial serta ekonomi. Oleh itu, penglibatan komuniti merupakan suatu proses kolaboratif di mana komuniti tempatan aktif mengambil bahagian dalam pembangunan pelancongan termasuk penyertaan dalam perancangan, pengambilan keputusan dan pelaksanaan dengan matlamat agar mereka bukan sekadar penerima manfaat, tetapi juga menjadi pelaku yang mempunyai pengaruh

dalam membentuk aktiviti pelancongan di kawasan mereka (Eyisi & Trees, 2021).

b) Konsep Komuniti Setempat

Komuniti setempat merujuk kepada sekumpulan individu yang tinggal dalam kawasan geografi yang sama, berkongsi sumber, nilai, identiti, dan hubungan sosial, serta mempunyai kepentingan dan tanggungjawab bersama terhadap pembangunan, pengurusan, dan kesejahteraan persekitaran tempat mereka (Dawson et al., 2021). Selain itu, komuniti setempat juga merujuk kepada penduduk yang tinggal di kawasan destinasi pelancongan atau dalam lingkungan pembangunan pelancongan, yang mempunyai persepsi, identiti tempat, dan hubungan politik-percaya dengan proses pembangunan pelancongan, serta berpotensi untuk terlibat dalam pengambilan keputusan dan berkongsi manfaat ekonomi dan sosial dalam usaha pembangunan pelancongan lestari (Hashemi et al., 2025). Secara lebih luas, mereka merujuk kepada kumpulan penduduk yang tinggal berhampiran atau dalam kawasan destinasi pelancongan termasuk kampung, penempatan atau persekitaran tempat pelancongan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan aktiviti pelancongan, sama ada sebagai pengusaha, pekerja atau penerima kesan sosial, ekonomi, budaya dan alam sekitar daripada pembangunan pelancongan (James & Hussin, 2021).

Menurut Jamal & Ramli (2021), komuniti setempat turut merangkumi kelompok penduduk yang tinggal di kawasan yang menjadi tapak warisan atau projek pemuliharaan yang mempunyai hubungan langsung dengan aset warisan serta berperanan dalam usaha pemeliharaan dan penyesuaigunaan semula aset tersebut. Justeru, dalam konteks kajian ini, definisi oleh Dawson et al. (2021) diaplikasikan sebagai definisi konseptual, manakala secara operasionalnya, komuniti setempat merujuk secara khusus kepada penduduk asal yang tinggal dan menetap di Kampung Melangkap, Kota Belud, Sabah yang terlibat dalam aktiviti ekopelancongan di kawasan tersebut.

c) Konsep Ekopelancongan

The International Ecotourism Society, (TIES, 2015) memberi definisi konsep ekopelancongan sebagai aktiviti pengembaraan yang memainkan peranan penting bagi memulihara alam sekitar, mengekalkan kesejahteraan penduduk setempat serta melibat usaha pendidikan dan tafsiran terhadap pemuliharaan alam semulajadi Lebih awal daripada itu, Fennell, (2008) menegaskan bahawa aktiviti ekopelancongan memberi tumpuan kepada pengalaman dan

pembelajaran pelancong tentang alam semulajadi, diurus secara beretika dengan impak ke atas alam semulajadi yang rendah dan komuniti tempatan mendapat faedah ekonomi dan mengawal pemuliharaan atau pemeliharaan kawasan alam semula jadi tersebut. Justeru, dalam Pelan Ekopelancongan Kebangsaan Malaysia 2016-2025 telah mengadaptasi definisi konsep oleh Fennell (2008) dan TIES, (2015) dengan mengatakan bahawa ekopelancongan adalah lawatan dan perjalanan ke kawasan alam semulajadi yang belum tercemar, menggalakkan pemuliharaan, impak pelawat yang rendah dan menggalakkan penglibatan penduduk atau ahli komuniti setempat secara aktif terutama dalam aspek sosioekonomi.

Sorotan Kajian Lepas

Kajian oleh Kunjuran (2022) meneliti cabaran utama yang dihadapi komuniti tempatan dalam pelaksanaan ekopelancongan berasaskan komuniti (CBE) di Sabah. Hasil kajian menunjukkan bahawa penglibatan komuniti masih terbatas akibat kekurangan kemahiran pengurusan, akses terhadap kepada pembiayaan, kelemahan kepimpinan serta konflik dalaman komuniti. Selain itu, sokongan institusi yang tidak konsisten dan komunikasi yang lemah antara pihak berkepentingan turut menjejaskan keberkesanan projek CBE. Kajian ini menegaskan bahawa pembangunan ekopelancongan yang lestari memerlukan pemberdayaan komuniti, pengukuhan modal sosial, dan kerjasama strategik antara agensi Kerajaan NGO dan komuniti setempat. Secara keseluruhan, artikel ini menambah kepada literatur dengan menunjukkan bahawa faktor sosial dan institusi memainkan peranan yang lebih kritikal berbanding sumber alam semula jadi dalam menentukan keberhasilan CBE.

Selain itu, menurut Chan et al. (2021) komuniti tempatan memainkan peranan penting dalam ekopelancongan dan program homestay melalui penyertaan dalam aktiviti seperti pemanduan pelancong, pengemudian bot, perkhidmatan resort serta pengendalian penginapan berasaskan komuniti. Penglibatan ini bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan pendapatan isi rumah, tetapi turut memperkukuh kesedaran terhadap pemeliharaan sumber alam dan warisan budaya setempat. Namun, tahap penyertaan komuniti masih terbatas berikutan pelbagai kekangan struktural dan operasi. Antaranya termasuk kekurangan modal untuk pembangunan homestay, keterbatasan kemahiran dalam hospitaliti dan pengurusan pelancongan, serta infrastruktur asas yang tidak memadai untuk menyokong pertumbuhan industri pelancongan. Di samping itu, isu alam sekitar seperti pencemaran sungai, tekanan terhadap hidupan liar, serta risiko banjir menjejaskan kebolehupayaan destinasi untuk menarik pelancong secara berterusan. Kerjasama yang lemah

antara komuniti dan pengusaha luar turut menimbulkan ketidakseimbangan manfaat, sekali gus menghalang pembahagian hasil pelancongan secara adil. Kesemua faktor ini menunjukkan bahawa walaupun komuniti mempunyai potensi signifikan dalam ekopelancongan dan homestay, pelbagai cabaran sosioekonomi, institusi dan ekologi masih menjadi penghalang kepada penyertaan yang lebih efektif dan berdaya tahan.

Di samping itu, penglibatan komuniti dalam ekopelancongan dan program homestay di Sukau pula menunjukkan keterlibatan aktif penduduk sebagai pengendali homestay, penyedia perkhidmatan B&B, serta pemelihara warisan budaya melalui persembahan tradisi orang sungai yang memperkukuh pengalaman pelancong (Kunjuraman, 2024). Walaupun ekopelancongan telah berfungsi sebagai pemangkin transformasi sosial sejak 1990-an, tahap penyertaan komuniti masih berhadapan kekangan yang ketara. Cabaran dalaman meliputi kekurangan modal, keterbatasan kemahiran keusahawanan dan hospitaliti, pengalaman industri yang terhad, struktur organisasi komuniti yang tidak stabil, serta tahap komitmen yang tidak seragam. Cabaran luaran pula merangkumi persaingan dengan pengusaha luar, keterhadapan strategi promosi, kekurangan infrastruktur sokongan, isu keselamatan destinasi, eksploitasi pihak luar, serta kelemahan pemantauan institusi. Keseluruhan cabaran ini mengekang keupayaan komuniti untuk meningkatkan daya saing, mengoptimumkan manfaat ekonomi, dan mengekalkan mampan operasi pelancongan, sekali gus menjejaskan keberkesanan penyertaan mereka dalam pembangunan ekopelancongan secara inklusif dan mampan.

Manakala kajian oleh Muslim & Mohd Parid (2025) menyatakan penglibatan komuniti dalam ekopelancongan difokuskan kepada penyertaan aktif penduduk tempatan dalam proses pembangunan dan pengurusan ekopelancongan dengan harapan ia akan memberi manfaat kepada sumber mata pencarian (*livelihoods*) mereka. Penglibatan ini bertujuan untuk memberikan rasa pemilikan (*ownership*) kepada komuniti, membolehkan mereka mengambil peranan dalam pembuatan keputusan, dan mendapatkan peluang ekonomi secara langsung seperti pekerjaan dan keusahawanan kecil berasaskan pelancongan. Walau bagaimanapun, artikel tersebut menekankan bahawa terdapat jurang yang ketara dalam pelaksanaan konsep ini. Jurang-jurang ini merangkumi cabaran utama, terutamanya isu ketidakseimbangan perkongsian faedah, di mana keuntungan dan manfaat ekonomi selalunya tidak diagihkan secara saksama kepada komuniti. Cabaran lain termasuk akses terhad kepada modal dan latihan, yang menghalang penduduk tempatan daripada memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka sendiri, serta isu tadbir urus yang lemah dan kekurangan penglibatan komuniti yang

bermakna pada peringkat perancangan awal. Secara ringkas, artikel itu membincangkan bahawa walaupun ekopelancongan berpotensi untuk meningkatkan kehidupan tempatan, potensi ini terhalang oleh kegagalan sistemik dalam memastikan penyertaan yang tulen dan perkongsian faedah yang adil.

Berdasarkan kajian Hui et al. (2020) mengenai penglibatan komuniti tempatan dalam ekopelancongan di Taman Negara Pahang, Malaysia, penglibatan komuniti didapati berada pada tahap sederhana (terutamanya di Taman Negara Kuala Tahan, TNKT) dan cenderung lebih aktif dalam aktiviti pelaksanaan berbanding perancangan dan pembuatan keputusan. Secara umumnya, penglibatan mereka adalah melalui aktiviti yang menyediakan faedah ekonomi secara langsung seperti pekerjaan sebagai pemandu pelancong, pemandu bot, dan penglibatan dalam perniagaan konvensional kecil-kecilan seperti penyediaan makanan, penginapan (chalet), dan cenderamata. Penglibatan ini bertujuan untuk mempromosikan penghormatan terhadap warisan semula jadi dan budaya, serta membina kapasiti komuniti tempatan. Walau bagaimanapun, cabaran utama yang dikenal pasti merangkumi kekurangan dana atau modal untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan, kekurangan pengetahuan dan latihan dalam bidang pelancongan, dan kurangnya kerjasama yang padu di kalangan ahli komuniti sendiri. Selain itu, faktor-faktor luaran seperti sokongan kerajaan yang terhad dan isu politik juga dilaporkan membantutkan penyertaan komuniti secara menyeluruh, terutamanya bagi masyarakat Orang Asli seperti suku Batek yang mungkin kurang terlibat dalam peranan berorientasikan keuntungan dan lebih menjadi subjek tarikan budaya. Justeru, kajian ini menekankan bahawa penglibatan komuniti yang berkesan adalah penting bagi mencapai ekopelancongan yang lestari.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi memahami secara mendalam bentuk penglibatan komuniti setempat dalam aktiviti ekopelancongan serta cabaran yang mereka hadapi. Reka bentuk kajian ini menumpukan kepada kaedah kutip data seperti temu bual mendalam, pemerhatian lapangan, dan analisis data sekunder sebagai kaedah utama pengumpulan data (Creswell, 2018). Seramai enam orang informan dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Berikut merupakan senarai informan dalam kajian ini:

Jadual 1: Senarai Informan Kajian

Bil	Informan	Informan	Pekerjaan/ Jawatam
			Guru, Pemilik Homestay & Pengusaha
1.	Hanim Golidon Sambatan Bin	Informan 1	Homestay
2.	Guinsalahon	Informan 2	Ketua Kampung & Pengusaha Homestay Guru, Pemilik Homestay, Pengusaha
3.	Petrus Bin Sualan	Informan 3	Homestay & Pengerusi Persatuan Jururawat, Pemilik Homestay & Pengusaha
4.	Jupiah Ezra Sambatan	Informan 4	Homestay Pengurus Homestay
5.	Josep Bin Gidong	Informan 5	Registration Homestay
6.	Yana Feliana	Informan 6	

Sumber: Kajian Lapangan (2025)


Data temu bual dirakam dan ditranskrip sebelum dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Pemerhatian ketika penyelidikan berada di lokasi kajian dijalankan secara terus bersama komuniti bagi mendapatkan maklumat kontekstual berkaitan aktiviti ekopelancongan dan memerhati interaksi ahli komuniti dengan pelancong.

Lokasi Kajian

Kajian ini dilaksanakan di Kampung Malangkap yang terletak kira-kira 31 kilometer dari pekan Kota Belud, Sabah. Kampung ini didiami oleh komuniti suku kaum Dusun dengan anggaran penduduk sekitar 3,000 orang, majoritinya bekerja sebagai petani sara diri. Kampung Malangkap terdiri daripada lima buah penempatan utama: Kampung Melangkap Tomis, Melangkap Tiong, Melangkap Kapa, Melangkap Nariou, dan Melangkap Baru. Kawasan ini dikelilingi empat puncak utama Nabalu, Nopungguk, Nungkok, dan Mourun serta mempunyai pemandangan indah Gunung Kinabalu. Ia dikenali sebagai

destinasi ekopelancongan popular berasaskan sumber semula jadi seperti Sungai Panataran dan aktiviti homestay, perkhemahan, serta lawatan budaya tempatan.

Gambar 1: Peta Sabah dan Kota Belud



Sumber: <https://www.visitselangor.com/information/malaysia-maps/map-of-sabah-state/>


Sumber: <https://tools.paintmaps.com/map-cropping/MY/4-1108696421/samples>

Kaedah Analisis Data Tematik

Kajian ini menggunakan analisis data tematik. Kaedah ini membantu penyelidik menyusun dapatan secara sistematik dan menonjolkan pengalaman peserta selaras dengan konteks sosial kajian. Menurut Squires (2023), analisis tematik merupakan satu pendekatan kualitatif yang digunakan untuk mengenal pasti, mengatur, dan mentafsir tema atau corak makna yang muncul daripada data seperti temu bual, pemerhatian, atau dokumen. Proses ini melibatkan pembacaan dan penelaahan data secara teliti bagi memahami konteks keseluruhan sebelum penyelidik membentuk kod awal berdasarkan idea atau maklumat penting yang berulang. Kod-kod tersebut kemudiannya digabungkan menjadi tema utama yang mencerminkan isu atau pola signifikan dalam data. Tema-tema ini disemak dan diperhalusi agar benar-benar menggambarkan maksud sebenar data serta dikaitkan dengan persoalan kajian. Analisis tematik menekankan tafsiran mendalam terhadap makna di

sebalik data, membolehkan penyelidik mengenal pasti pandangan, pengalaman, dan nilai yang tersirat dalam konteks sosial tertentu. Squires turut menegaskan bahawa kaedah ini bersifat fleksibel dan boleh diaplikasikan dalam pelbagai bidang penyelidikan, namun memerlukan kepekaan penyelidik agar tidak kehilangan konteks asal semasa proses pengkodan dan pembentukan tema dijalankan.

Rajah 1: Proses Analisis Data Kualitatif



Sumber: Clarke & Braun, (2017)

Antara ciri utama analisis tematik ialah penekanannya terhadap proses pembinaan tema secara aktif. Dalam konteks ini, pengkaji bukan sekadar mengenal pasti kod yang muncul daripada data, tetapi turut menghubungkannya bagi membentuk tema yang lebih luas dan signifikan (Clarke & Braun, 2017).

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Aktiviti ekopelancongan di Kampung Melangkap, Kota Belud berpusat pada penawaran aktiviti berasaskan alam semula jadi seperti penginapan homestay/chalet, berkhemah, dan rekreasi air di kawasan sungai yang indah dengan latar belakang Gunung Kinabalu. Struktur pengurusan aktiviti ini

didapati dijalankan secara persendirian, oleh operator individu, atau keluarga dan bukannya di bawah persatuan rasmi di bawah pentadbiran persatuan kampung. Bukti temu bual menunjukkan bahawa operator, seperti Informan 1 dan Informan 2 yang menguruskan operasi harian termasuk penetapan harga dan layanan kepada pelanggan secara langsung.

“Sendiri saja ni persendirian, dulu sebenarnya tiada homestay disini, ada rumah saja. Lepastu kami buat yang didepan sana. Selepas tu gempa, nampak sini terang yang cantikkan landskap dia bahagian bawa, terus terfikir la untuk buat homestay, kasi tambah-tambah tu bangunan.”

(Informan 1, 2025)

“Iya, habis kalau lokal day trip Rm3, kalau yang pelancong Rm6. Kalau pula bermalam, local Rm6, pelancong Rm12. Itulah perbezaannya lah.”

(Informan 2, 2025)

Terdapat perbezaan harga bagi pelancong domestik dan antarabangsa yang telah ditetapkan oleh pengusaha aktiviti ekopelancongan.

a) Jenis Aktiviti Ekopelancongan yang Dijalankan

Pengusaha homestay di Kampung Melangkap menawarkan pelbagai aktiviti ekopelancongan yang berasaskan alam semula jadi dan budaya tempatan.

i. Memancing Di Kolam Ternakan Ikan

Antara aktiviti utama yang ditawarkan ialah aktiviti memancing di kolam ternakan ikan yang dimiliki dan diuruskan sendiri oleh pihak homestay. Ikan seperti talapia ditenak dan disediakan khusus untuk aktiviti ini, menjadikannya sebagai satu bentuk interaksi langsung antara permintaan pelancong dengan sumber makanan tempatan. Menariknya, pelancong bukan sahaja dibenarkan memancing sebagai aktiviti riadah keluarga, tetapi juga

boleh membeli terus hasil tangkapan mereka mengikut harga semasa. Ia seperti yang dinyatakan oleh informan:

“Kalau dia riadah untuk keluarga boleh juga dorang terus memancing, dan bila dorang dapat itu ikan, dorang juga boleh ambil terus, harga ikut kilo la... Anggaran kalau 1 kilo ikan Talapia RM75”

(Informan 1, 2025)

Aktiviti ini menambah nilai kepada pengalaman pelancong kerana selain menikmati suasana tenang perkampungan, mereka turut berpeluang mendapatkan hasil makanan segar secara langsung. Ini sekali gus mewujudkan rasa keterikatan dan penghargaan terhadap destinasi yang dikunjungi.

ii. Lawatan Ke Dusun Buah-Buahan

Lawatan ke dusun dan kebun tempatan turut menjadi antara tarikan utama bagi pelancong. Kawasan dusun yang menempatkan pelbagai jenis buah-buahan tempatan seperti rambutan, durian, tarapⁱ dan mangga bukan sahaja berfungsi sebagai sumber makanan semula jadi, tetapi juga memberikan peluang kepada pelancong untuk mengenali dan memahami budaya tempatan dengan lebih dekat.

“...selain dari makan buah-buahan tempatan, pemandangan di sana juga memang cantik-cantik, kita boleh tengok Gunung Kinabalu di sana.”

(Informan 1, 2025)

Pengalaman lawatan ke dusun buah-buahan tempatan di kawasan tersebut telah menjadikan aktiviti ekopelancongan di Kampung Malangkap sangat unik serta mampu menarik lebih ramai pelancong luar dan dalam negara untuk datang merasai sendiri suasana tersebut.

iii. Aktiviti *river tubing* serta mandi-manda di sungai

Antara tarikan utama yang kekal popular ialah aktiviti mandi-manda di sungai. Terletak berhampiran kawasan homestay, Sungai Melangkap menjadi destinasi ikonik yang sering menjadi pilihan pelancong sejak dahulu lagi. Kejernihan airnya, aliran yang menyegarkan serta suasana yang damai menjadikan aktiviti ini antara pilihan utama bagi pengunjung yang ingin

berehat dan bersantai bersama keluarga. eadaan ini turut disokong oleh Informan 1 yang menyatakan bahawa sungai tersebut telah lama menjadi tarikan utama kepada pengunjung.

“Dulu memang sungai tempat tarikan orang la, mandi-mandi di sini...”

(Informan 1, 2025)

Kindahan semula jadi di sekitar sungai turut menambahkan daya tarikan destinasi ini, di mana pelancong dapat menikmati pemandangan Gunung Kinabalu yang menakjubkan sambil melakukan aktiviti lain. Aktiviti ini bukan sahaja menawarkan pengalaman rekreasi yang menyeronokkan, tetapi juga memberi peluang kepada pelancong untuk menghargai keaslian dan mampan persekitaran semula jadi Kampung Melangkap.

Pembangunan aktiviti ekopelancongan oleh ahli komuniti di Kampung Melangkap, yang merangkumi lawatan ke dusun buah-buahan tempatan, *river tubing*, dan mandi-manda di sungai sangat selaras dengan prinsip utama pembangunan Ekopelancongan Berasaskan Komuniti (CBE) (Kunjuraman, 2022) seperti yang ditekankan dalam sorotan kajian lepas. Keunikan lawatan dusun buah-buahan dan rekreasi air yang berlatar belakangkan Gunung Kinabalu adalah contoh terbaik bagaimana komuniti menggunakan aset semula jadi dan budaya sedia ada untuk mencipta produk pelancongan yang unik, sejajar dengan model agropelancongan dan pelancongan pertanian. Aktiviti ini tidak hanya menyediakan pengalaman rekreasi, tetapi juga berfungsi sebagai platform untuk mempromosikan budaya tempatan dan pengetahuan tradisional kepada pelancong. Hal ini kerana perkara paling penting, pengurusan aktiviti ini secara individu atau keluarga membolehkan komuniti mengawal terus penjana pendapatan, sekaligus memenuhi matlamat utama CBE untuk menjana faedah sosio-ekonomi yang mampan dan merapatkan jurang perkongsian faedah yang sering dibincangkan dalam kajian literatur ekopelancongan.

b) Bentuk Penglibatan Komuniti Setempat dalam Aktiviti Ekopelancongan

Hasil kajian menunjukkan bahawa komuniti di Kampung Melangkap memainkan peranan penting dalam memajukan aktiviti ekopelancongan melalui pendekatan pelancongan berasaskan komuniti.

i. Mengurus Koperasi Ekopelancongan Secara Kendiri

Pengusaha homestay tempatan mengurus operasi secara sendiri dan turut bernaung di bawah persatuan pelancongan seperti *Melangkap Association Tourism* (MATA) bagi tujuan pelesenan dan koordinasi. Walau bagaimanapun, terdapat juga pengusaha yang memilih untuk beroperasi secara bebas dengan mendapatkan lesen daripada pihak MOTAC. Situasi ini menunjukkan bahawa penglibatan dalam persatuan bukanlah satu keperluan mutlak, namun tetap memainkan peranan penting dalam menyokong kerjasama antara pengusaha homestay, khususnya bagi program berskala besar. Hal ini dijelaskan oleh salah seorang informan seperti berikut:

"Ahh sebenarnya ada, dia boleh berdiri sendiri, cuma perlu juga ada persatuan begitu, ada bahagian-bahagian tertentu yang memerlukan gabungan beberapa homestay. Contohnya kalau, tidak cukup tempat penginapan dan program itu melibatkan program besarkan ahh dia perlu homestay yang banyak jadi itu la perlu ada perhubungan diantara semua pengusaha homestay."

(Informan 2, 2025)

Penglibatan komuniti turut disokong oleh pelbagai agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan seperti Sabah Tourism Board (STB), Kadamaian Tourism Association (KATA) dan Nabalun Tourism Association (NTA) yang menyediakan latihan dan kursus berkaitan pengurusan hospitaliti, keselamatan pelancong serta kemahiran teknikal. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan pengusaha, tetapi turut memperkukuh jaringan sosial dan ekonomi komuniti setempat.

ii. Melibatkan Diri Dalam Program Homestay Secara Gotong Royong

Selain itu, penglibatan ahli keluarga dalam pengurusan homestay amat signifikan. Setiap ahli keluarga memainkan peranan tersendiri dalam aspek penyelenggaraan, kebersihan, pengurusan pelanggan dan kewangan. Struktur pengurusan yang berasaskan kekeluargaan ini mencerminkan amalan tadbir urus yang fleksibel, saling mempercayai dan berorientasikan nilai gotong-royong, sekaligus menyokong pembangunan pelancongan komuniti yang lestari. Penglibatan ini juga dilihat sebagai satu bentuk pemerikasaan ahli keluarga, khususnya generasi muda, dalam mengurus dan memahami sumber

pendapatan pelancongan. Perkara ini dapat dilihat melalui kenyataan informan berikut:

“Untuk homestay ni, anak-anak yang buat. Sebab homestay ini, saya bagi dorang peluang. Supaya dorangpun merasa juga mengurus, macam mana income masuk.”

(Informan 2, 2025)

Pengusaha homestay memberikan tanggungjawab kepada anak-anaknya untuk mengurus operasi homestay sebagai satu bentuk pendedahan awal terhadap pengurusan perniagaan. Pendekatan ini bukan sahaja memberi peluang kepada generasi muda untuk memahami aliran pendapatan dan aspek pengurusan, tetapi juga berfungsi sebagai latihan praktikal dalam memupuk sikap bertanggungjawab serta kemahiran keusahawanan dalam kalangan ahli keluarga.

Oleh itu, penglibatan ahli komuniti di Kampung Melangkap dalam menguruskan operasi ekopelancongan, terutamanya homestay, yang dijalankan secara sendiri dan berasaskan kekeluargaan, sangat selaras dengan konsep penglibatan spontan (*spontaneous participation*) seperti yang diutarakan oleh Tosun (2020). Penglibatan ini didorong terutamanya oleh inisiatif peribadi dan motivasi ekonomi untuk mengambil peluang daripada peningkatan permintaan pelancong. Walaupun terdapat persatuan seperti MATA untuk tujuan pelesenan dan koordinasi skala besar, ramai pengusaha memilih untuk beroperasi secara bebas, menunjukkan keutamaan kepada fleksibiliti tadbir urus berasaskan keluarga yang melibatkan amalan gotong-royong. Penglibatan ahli keluarga, termasuk memberi tanggungjawab kepada anak-anak untuk mengurus aliran pendapatan, bukan sahaja memastikan kesinambungan perniagaan tetapi juga berfungsi sebagai latihan keusahawanan praktikal. Oleh itu, di Melangkap, peranan agensi kerajaan dan NGO adalah lebih kepada menyokong (melalui latihan hospitaliti) dan bukannya mencetuskan penglibatan, mengesahkan ciri-ciri penglibatan spontan yang bermula dari usaha dan kehendak komuniti sendiri.

c) Faktor yang Mendorong Penglibatan Komuniti dalam Aktiviti Ekopelancongan

i. Peluang Ekonomi

Hasil daripada analisis data kajian ini menunjukkan bahawa faktor utama yang mendorong penglibatan komuniti dalam aktiviti ekopelancongan terutamanya dalam program homestay ialah peluang ekonomi. Kehadiran ramai pengunjung mendorong penduduk membina homestay sebagai usaha menjana pendapatan. Dapatan ini selari dengan pandangan informan yang menekankan keperluan penyediaan penginapan sebagai sumber pendapatan tambahan kepada penduduk setempat.

“Salah satu sebab ialah ramai orang minta tempat penginapan dan untuk mendapat pendapatan juga.”

(Informan 3, 2025)

Aktiviti ekopelancongan di Kampung Melangkap telah membuka ruang yang luas kepada komuniti setempat untuk menjana pendapatan melalui pelbagai bentuk perkhidmatan dan keusahawanan tempatan. Penubuhan homestay menjadi salah satu sumber ekonomi utama yang membolehkan penduduk memperoleh keuntungan daripada penginapan, penyediaan makanan tradisional, serta aktiviti rekreasi seperti *river tubing*, lawatan dusun dan jualan hasil tempatan. Selain itu, peningkatan kedatangan pelancong turut merangsang pertumbuhan sektor sokongan seperti perkhidmatan pengangkutan, makanan dan kraftangan. Secara tidak langsung, penglibatan komuniti dalam aktiviti ini bukan sahaja membantu meningkatkan taraf hidup mereka, tetapi juga memperkukuh ekonomi desa melalui penajaan peluang pekerjaan, pengurangan penghijrahan ke bandar dan pembangunan keusahawanan tempatan yang berasaskan sumber komuniti sendiri.

ii. Peningkatan Permintaan Terhadap Penginapan

Pembinaan homestay di Kampung Melangkap didorong oleh permintaan pelancong yang semakin meningkat, selain keinginan penduduk tempatan untuk turut serta dalam arus pembangunan pelancongan agar tidak ketinggalan dengan komuniti lain. Pada masa yang sama, usaha ini juga dilihat sebagai satu langkah strategik dalam merancang kestabilan ekonomi keluarga melalui penajaan pendapatan tambahan yang berasaskan sumber dan potensi tempatan. Perkara ini turut disokong oleh pengalaman pengusaha homestay

yang menyaksikan peningkatan kehadiran pelancong serta keperluan mendesak terhadap kemudahan penginapan.

“Aaa sebab bila mana Kampung Melangkap ini banyak orang yang datang sejak gempa itu, emm kalau homestay mesti la kan orang datang, orang cari tempat penginapan jadi bila banyak orang datang cari tempat penginapan nah kami ber apatu berlumba lumba la begitu buat homestay termasukla saya”

(Informan 4, 2025)

Peningkatan jumlah pelancong ke Kampung Melangkap, terutamanya selepas kawasan tersebut dikenali sebagai destinasi ekopelancongan yang menarik, telah mendorong kepada peningkatan permintaan terhadap kemudahan penginapan. Keadaan ini memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk membangunkan homestay sebagai alternatif penginapan yang lebih mesra alam dan berpatutan. Permintaan yang tinggi ini bukan sahaja meningkatkan pendapatan penduduk, tetapi juga menggalakkan lebih ramai ahli komuniti terlibat secara aktif dalam sektor pelancongan melalui penyediaan perkhidmatan penginapan yang selesa dan beridentitikan budaya tempatan.

iii. Peluang Ekonomi dan Kelestarian Budaya Pasca COVID-19

Faktor lain yang mendorong penglibatan komuniti ialah peluang ekonomi dan peningkatan permintaan terhadap penginapan selepas bencana gempa bumi serta banjir lumpur pada tahun 2015–2016 yang telah mengubah landskap Sungai Panataran. Peningkatan jumlah pelancong ke kawasan tersebut telah membuka ruang kepada penduduk tempatan untuk menjana pendapatan melalui pembinaan dan pengurusan homestay. Selain faktor ekonomi, keinginan untuk memperkenalkan budaya tempatan dan melestarikan alam sekitar turut menjadi pendorong utama kepada penglibatan komuniti dalam sektor ini. Perkara ini disokong oleh kenyataan Informan 2 yang menyedari peningkatan permintaan penginapan dalam kalangan pengunjung

”Aah dulu memang sungai tempat tarikan orang la, mandi-mandi di sini, jadi dorang mencari tempat penginapan, jadi disitu baru terbuka niat memuat homestay sebab ramai yang mencari”

(Informan 2, 2025)

Kampung Melangkap semakin mendapat perhatian sebagai destinasi pelancongan berasaskan alam semula jadi pasca COVID -19 tahun 2022. Ini sekali gus menyumbang kepada peningkatan ketara dalam jumlah pelancong yang berkunjung ke kawasan tersebut. Daya tarikan seperti kejernihan sungai, pemandangan Gunung Kinabalu dan pengalaman inap desa yang autentik menjadi faktor utama yang menarik minat pelancong tempatan serta luar negara. Pertambahan kehadiran pelancong ini bukan sahaja memperkukuh kedudukan Kampung Melangkap sebagai destinasi ekopelancongan popular di Sabah, tetapi turut memberi impak positif terhadap pembangunan sosioekonomi komuniti setempat.

Secara keseluruhannya, faktor-faktor utama yang mendorong penglibatan ahli komuniti Kampung Melangkap dalam ekopelancongan iaitu peluang ekonomi, peningkatan permintaan terhadap penginapan, dan pertumbuhan pelancong pasca krisis (gempa/COVID -19) adalah sangat selaras dengan dapatan kajian tempat lain dalam sorotan literatur, terutamanya dalam konteks negara membangun. Sebagaimana yang ditekankan oleh pelbagai penyelidik (seperti Kunjuraman, 2022; Muslim & Mohd Parid, 2025) mengenai pembangunan ekopelancongan di Sabah dan tempat lain, motivasi ekonomi sentiasa menjadi faktor pendorong utama dan paling ketara bagi penglibatan komuniti. Kehadiran pengunjung yang ramai dan peningkatan permintaan terhadap kemudahan penginapan mewujudkan kekosongan pasaran yang kemudiannya diisi oleh penduduk tempatan melalui pembinaan homestay dan penyediaan perkhidmatan rekreasi, sekali gus menjana pendapatan tambahan dan mengukuhkan ekonomi desa, yang merupakan teras kepada Ekopelancongan Berasaskan Komuniti (CBE). Tambahan pula, tindak balas komuniti untuk merebut peluang selepas peristiwa besar seperti gempa bumi 2015 dan pandemik COVID-19 mencerminkan daya tahan (*resilience*) dan keupayaan mereka untuk mengadaptasi krisis menjadi peluang pembangunan, yang merupakan fenomena yang sering dicatatkan dalam kajian pelancongan pasca bencana di seluruh dunia, membuktikan bahawa aktiviti ekopelancongan berfungsi sebagai mekanisme pemulihan dan pembangunan sosioekonomi yang efektif.

d) Cabaran dalam Penglibatan Komuniti terhadap Pembangunan Ekopelancongan

i. Struktur Pengurusan Organisasi Yang Bermasalah

Struktur organisasi yang menaungi keseluruhan pengusaha homestay di Kampung Melangkap dilaporkan semakin kurang aktif berbanding sebelumnya. Keadaan ini berpunca daripada dominasi oleh kelompok tertentu dalam organisasi tersebut, yang akhirnya menimbulkan perselisihan faham antara pengusaha homestay dan pihak pengurusan tertinggi. Selain itu, hasil temu bual bersama informan turut menunjukkan bahawa sebarang peruntukan yang disalurkan kepada pengusaha tidak diterima secara langsung oleh mereka, sebaliknya perlu melalui beberapa peringkat kelulusan dan tapisan daripada pihak atasan seperti persatuan terlebih dahulu, sekali gus menimbulkan isu ketelusan dalam pengurusan dana. Ketidakberkesanan fungsi organisasi formal ini serta kecenderungan pengusaha untuk bergerak secara individu tanpa naungan persatuan yang kukuh dijelaskan oleh informan.

“MATA yang diketuai oleh Cikgu P ini tidak aktif itu adik. Maksud saya tidak aktif ini, mereka ini tiada persatuan, mereka hanya owner sahaja. Tapi setahu saya, dia tidak termasuk dalam Nabalu Tourism Association. Tiada dalam persatuan, dia macam biasa sahaja. Dia ada homestay, dan jalankan bisnes sajalah.”

(Informan 5, 2025)

Struktur pengurusan organisasi pelancongan di Kampung Melangkap didapati masih belum berfungsi dengan berkesan, sekali gus menjejaskan kelancaran pelaksanaan aktiviti ekopelancongan di kawasan tersebut. Persatuan yang memayungi pengusaha homestay seperti Melangkap Association Tourism (MATA) dilaporkan semakin kurang aktif dan berdepan isu kepimpinan dalaman. Dominasi oleh pihak tertentu dalam membuat keputusan telah menimbulkan ketegangan dan salah faham antara ahli serta pengurusan tertinggi persatuan.

Selain itu, proses penyaluran bantuan dan peruntukan daripada agensi kerajaan tidak dilakukan secara telus, kerana dana yang sepatutnya disalurkan terus kepada pengusaha perlu melalui beberapa peringkat kelulusan organisasi terlebih dahulu. Keadaan ini bukan sahaja menimbulkan rasa tidak

puas hati dalam kalangan ahli, tetapi juga menyebabkan kelewatan dalam pelaksanaan program pembangunan. Oleh itu, penstrukturan semula organisasi pelancongan dan peningkatan tadbir urus amat diperlukan bagi memastikan penglibatan komuniti lebih teratur, adil dan berkesan dalam memajukan sektor ekopelancongan di Kampung Melangkap.

Secara keseluruhannya, struktur pengurusan organisasi yang tidak jelas dan tidak tersusun di Kampung Melangkap telah menjejaskan kelancaran pelaksanaan aktiviti ekopelancongan. Ketiadaan pembahagian tugas yang sistematik, komunikasi dalaman yang lemah serta kurangnya ketelusan dalam membuat keputusan menyebabkan berlaku kekeliruan dan ketidakpuasan dalam kalangan komuniti. Justeru, penambahbaikan terhadap struktur organisasi amat penting bagi memastikan penglibatan komuniti lebih berkesan dan pembangunan ekopelancongan dapat dilaksanakan secara mampan.

ii. Kekurangan Kemudahan Infrastruktur Asas

Seterusnya, meskipun Kampung Melangkap semakin mendapat pengiktirafan sebagai destinasi ekopelancongan utama di Sabah, para pengusaha homestay masih berdepan cabaran besar berkaitan kekurangan dan ketidakupayaan kemudahan infrastruktur asas yang menyokong operasi pelancongan komuniti. Kekangan ini secara langsung memberi kesan terhadap tahap keselesaan dan kepuasan pelancong yang menginap di kawasan tersebut.

Sebahagian besar rumah penginapan di Kampung Melangkap bergantung kepada sistem bekalan air graviti yang disalurkan dari kawasan pergunungan berhampiran. Walaupun sumber air ini bersih dan semula jadi, ia sering terjejas semasa musim kemarau atau selepas hujan lebat yang menyebabkan sumbatan dan kerosakan pada saluran air. Gangguan ini menjejaskan aktiviti harian pengusaha homestay serta menimbulkan kesukaran dalam aspek kebersihan dan penyediaan makanan, sekali gus memberi tanggapan negatif terhadap mutu perkhidmatan penginapan yang disediakan. Cabaran berkaitan kestabilan sumber air ini diakui sendiri oleh pengusaha yang terpaksa berhadapan dengan risiko kekeringan punca air utama mereka.

” ada aaa maslaah air sebenarnya kami punya sumber air graviti di kampung ni sudah kemarau dalam satu minggu dia memang akan kering ”

(Informan 4, 2025)

Isu bekalan air merupakan isu utama yang sering dihadapi oleh pengusaha- pengusaha homestay di sini. Walaupun begitu, pengusaha akan menyediakan penyelesaian di mana mereka akan menyediakan tangki air kepada pengunjung, dan menggunakan alat *waterpump* sebagai penyelesaian. Selain itu, gangguan elektrik yang kerap berlaku, terutamanya semasa hujan lebat atau ribut, menjadi salah satu cabaran bagi pengusaha homestay dalam memastikan kemudahan yang selesa dan moden kepada pengunjung. Keadaan ini menjejaskan fungsi peralatan asas seperti pemanas air, kipas dan peti sejuk, sekali gus mengurangkan kualiti pengalaman pelancong. Faktor geografi Kampung Melangkap yang terletak di kawasan luar bandar dan jauh dari pusat bandar turut menyumbang kepada ketidakstabilan bekalan elektrik tersebut. Gangguan ini sering kali dikaitkan dengan keadaan cuaca ekstrem dan persekitaran semula jadi yang memberi kesan langsung kepada infrastruktur elektrik, sebagaimana yang dinyatakan oleh salah seorang pengusaha.

“kadang-kadang masalah elektrik ni berlaku disebabkan ribut la, ada pokok yang tumbang sebab disini kawasan hutan kan.”

(Informan 1, 2025)

Selain itu, antara cabaran yang dihadapi oleh pengusaha homestay di Kampung Melangkap juga adalah capaian internet yang lemah. Kedudukan Kampung Melangkap yang dikelilingi bukit dan gunung menyebabkan isyarat telekomunikasi lemah, sekali gus menjejaskan capaian internet di kawasan tertentu. Keadaan ini menyukarkan pelancong untuk berkomunikasi, membuat tempahan dalam talian dan berkongsi pengalaman di media sosial, manakala pengusaha homestay pula menghadapi kesukaran mempromosikan perniagaan mereka secara digital. Walau bagaimanapun, komuniti setempat dan pihak berwajib telah mula mengambil inisiatif bagi mengurangkan kesan daripada masalah capaian internet ini. Menurut maklumat daripada informan, beberapa usaha sedang dijalankan seperti sesetengah pengusaha memasang kemudahan wifi kepada pengunjung yang menginap.

iii. Sumber Modal Kewangan Yang Terhad

Antara cabaran utama yang dihadapi pengusaha homestay di Kampung Melangkap ialah kekangan sumber kewangan. Isu ini bukan sahaja melibatkan modal awal pembinaan homestay, tetapi juga kos penyelenggaraan, penambahbaikan fasiliti, pengurusan risiko bencana dan keperluan untuk berinovasi dalam industri pelancongan yang semakin kompetitif. Pembinaan homestay memerlukan perbelanjaan besar sebanyak RM100,000 bagi penyediaan tapak dan kemudahan asas, dan kebanyakan pengusaha, termasuk yang memulakan operasi sekitar tahun 2020, bergantung sepenuhnya kepada modal serta inisiatif peribadi keluarga tanpa bantuan luar. Beban kewangan yang tinggi ini diakui oleh para pengusaha yang menyifatkan keperluan modal awal sebagai cabaran paling besar dalam memulakan perniagaan mereka

“Cabaran yang pertama ialah waktu mula-mula dari segi modal la... mau buat ini bukan sikit kan? Mau buat camp site bukan sikit.”

(Informan (Informan 4, 2025)

“Kalau yang banyak bilik tu sampai juga Rm100,000.”

(Informan 2, 2025)

Hal ini menunjukkan bahawa pembangunan awal homestay memerlukan komitmen kewangan yang tinggi, khususnya apabila tiada bantuan kewangan diperoleh daripada agensi berkaitan pada peringkat permulaan. Selain itu, kawasan homestay yang pernah terjejas akibat banjir turut mengalami kerosakan kemudahan, dan meskipun sebahagiannya dilindungi insurans, proses pemulihan tetap menuntut pelaburan semula yang besar daripada pengusaha sendiri.

iv. Persaingan Antara Pengusaha Homestay

Salah satu cabaran utama dalam pembangunan ekopelancongan di Kampung Melangkap ialah kewujudan persaingan antara pengusaha homestay tempatan. Situasi ini berlaku apabila setiap pengusaha berusaha menarik lebih ramai pelanggan tanpa adanya penyelarasan atau kerjasama strategik antara satu sama lain. Persaingan ini bukan sahaja melibatkan aspek harga penginapan yang ditawarkan, tetapi juga promosi, lokasi dan penyediaan kemudahan kepada pelancong. Dalam jangka panjang, keadaan ini boleh

menjejaskan imej dan reputasi destinasi pelancongan kerana ketiadaan standard kualiti yang seragam dalam penyampaian perkhidmatan. Meskipun terdapat kebimbangan mengenai impak persaingan tersebut, rata-rata pengusaha melihat situasi ini sebagai satu lumrah dalam perniagaan yang masih diuruskan secara harmoni.

“Kalau dari segi persaingan memangla wujud, persaingan secara sihat la, masing-masing punya rezeki.”

(Informan 1, 2025)

Salah satu cabaran ketara dalam pembangunan ekopelancongan di Kampung Melangkap ialah persaingan antara pengusaha homestay yang semakin meningkat. Persaingan ini timbul apabila bilangan homestay bertambah daripada 8 hingga 15 buah homestay pada tahun 2015 kepada 30 buah homestay pada masa kini bagi menampung kehadiran pelancong yang kian ramai, menyebabkan setiap pengusaha berusaha menawarkan harga lebih rendah dan perkhidmatan lebih menarik untuk menarik pelanggan. Walaupun persaingan berpotensi menjadi pemangkin kepada peningkatan kualiti perkhidmatan melalui inovasi, ia boleh bertukar menjadi tidak sihat apabila berlaku peniruan pakej pelancongan secara terang-terangan serta amalan pemotongan harga yang tidak terkawal. Situasi ini bukan sahaja merugikan pengusaha dari segi margin keuntungan, malah menghakis semangat kerjasama komuniti yang sepatutnya menjadi tunjang kepada pembangunan ekopelancongan. Tanpa penyelarasan harga dan keunikan produk yang jelas, persaingan ini akhirnya mewujudkan ekosistem perniagaan yang rapuh dan sukar untuk mampan dalam jangka masa panjang.

Oleh itu, cabaran yang dihadapi oleh komuniti ekopelancongan di Kampung Melangkap merangkumi masalah struktur organisasi (MATA) yang kurang telus, kekurangan infrastruktur asas (bekalan air/elektrik/internet), keterbatasan modal kewangan dan persadalah sangat selaras dengan dapatan kajian cabaran ekopelancongan berasaskan komuniti (CBE) di lokasi luar bandar Sabah dan negara membangun yang lain. Isu tadbir urus yang lemah dan ketidakcekapan pengurusan dana dalam persatuan (MATA) mencerminkan isu jurang perkongsian faedah dan penglibatan yang tidak adil seperti yang dibincangkan oleh Muslim & Mohd Parid (2025). Kekurangan infrastruktur asas seperti bekalan air graviti yang tidak stabil dan internet yang lemah adalah cabaran klasik yang sentiasa ditekankan oleh

kajian seperti Kunjuran (2022 & 2024) di Sabah, kerana lokasi pedalaman secara geografi menjadi punca ketidakstabilan ini. Selain itu, keterbatasan modal awal dan persaingan dalaman (pemotongan harga) adalah ciri-ciri yang sering wujud dalam pembangunan spontan oleh operator individu, di mana keperluan untuk membiayai penyelenggaraan dan persaingan untuk menarik pelanggan menyebabkan mereka sukar untuk mencapai standard kualiti perkhidmatan yang seragam dan stabil. Secara keseluruhannya, cabaran di Kampung Melangkap mengukuhkan dapatan literatur bahawa kejayaan CBE tidak hanya bergantung pada inisiatif komuniti, tetapi juga pada penyelesaian masalah struktur dan sokongan infrastruktur yang berterusan daripada agensi luar.

Kesimpulan

Kesimpulannya, ekopelancongan di Kampung Melangkap, Kota Belud mempunyai potensi besar untuk berkembang sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi setempat serta pemeliharaan alam sekitar. Penglibatan aktif komuniti tempatan dapat dilihat melalui penyediaan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan pelancongan seperti tapak perkhemahan, homestay, serta penyewaan peralatan dan kemudahan rekreasi. Penglibatan ini bukan sahaja memperkukuh daya tarikan pelancongan, tetapi juga membuka peluang ekonomi baharu yang berasaskan sumber tempatan dan nilai budaya komuniti.

Selain itu, penyertaan penduduk dalam aktiviti berasaskan alam semula jadi dan promosi pakej pelancongan turut memainkan peranan penting dalam memperkembangkan sektor ekopelancongan di kawasan tersebut. Namun begitu, pelaksanaan inisiatif ini masih berdepan dengan pelbagai cabaran seperti kekangan infrastruktur, kekurangan modal, dan persaingan secara sihat serta kelemahan struktur pengurusan yang perlu ditangani melalui pendekatan menyeluruh dan terancang.

Oleh itu, bagi memastikan Kampung Melangkap terus berkembang sebagai destinasi ekopelancongan yang mampan dan berdaya saing, perancangan strategik yang berfokus, latihan kemahiran secara berterusan, penambahbaikan kemudahan asas serta strategi promosi yang lebih meluas perlu dilaksanakan. Pendekatan holistik ini bukan sahaja dapat memberi impak positif terhadap kesejahteraan komuniti setempat, tetapi juga menyumbang kepada kemampanan jangka panjang sektor pelancongan negara.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua pihak dan ahli komuniti di Kampung Malangkap, Kota Belud, Sabah yang telah memberikan kerjasama dan sumbangan idea dan maklumat dalam menjayakan kajian ini. Penghargaan khusus ditujukan kepada Saidatul Rahmadaniah binti Mohamad Mansor, Muhammad Farhan Ikhwan bin Muhammad Effendy, Felicia Wong Poh Lee, Nurul Natasha binti Zaidi, dan Nurul Athirah binti Tawil atas komitmen, kerjasama, dan dedikasi yang tinggi amat dihargai sepanjang proses pelaksanaan kerja lapangan kajian ini. Tanpa kerjasama semua pihak tersebut, penyelidikan ini tidak akan dapat disempurnakan dengan jayanya.

Rujukan

- Chan, J. K. L., Marzuki, K. M., & Mohtar, T. M. (2021). Local community participation and responsible tourism practices in ecotourism destination: A case of lower Kinabatangan, Sabah. *Sustainability*, 13(23), 13302.
- Clarke, V., & Braun, V. (2017). Thematic Analysis. *The Journal of Positive Psychology*, 12, 297-298.
- Creswell, J. W. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five traditions*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Dawson, N. M., Coolsaet, B., Sterling, E. J., Loveridge, R., Gross-Camp, N. D., Wongbusarakum, S., & Rosado-May, F. J. (2021). The role of Indigenous peoples and local communities in effective and equitable conservation. *Ecology and society*, 26(3), 19.
- Eyisi, A., Lee, D., & Trees, K. (2021). Facilitating collaboration and community participation in tourism development: The case of South-Eastern Nigeria. *Tourism and Hospitality Research*, 21(3), 275-288.
- Fennell, D. A., (2008). *Eco tourism*. Third Edition. Routledge. New York, USA.
- Hashemi, S., Hamzah, H., Jansri, W., & Ahmadpour, S. (2025). Local Community Involvement in Sustainability Tourism Development in Malaysia: A conceptual model. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 10(SI25), 39-44.
- Hui, T. S. O. K., Ai Lin, E. L., & Mamat, M. P. (2020). Local community participation in ecotourism at National Park in Pahang, Malaysia. *Malaysian Forester*, 83(2), 340-352.
- Ibrahim, M. A., & Lyndon, N. (2021). Impak Penglibatan Komuniti Dalam Pembangunan Pelancongan Luar Bandar. *e-BANGI Journal*, 18(2).
- Jafar, A., Dollah, R., Sakke, N., Mapa, M. T., Joko, E. P., Radzi, M. M., ... & Sipatau, J. A. (2022). Tourism and natural hazards: River landform changes due to geohazards and its influence on the economic development of ecotourism in Sabah, Malaysia. *Sustainability*, 14(23), 15832.
- Jamal, D. H. D., & Ramli, Z. (2021). Pemuliharaan beberapa bangunan bersejarah di Kelantan: Tinjauan ke atas penglibatan komuniti setempat dalam suai guna semula. *Geografia*, 17(2), 461-474.
- James, J., & Hussin, R. (2021). Impak aktiviti pelancongan ke atas komuniti setempat: Tinjauan literatur. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*, 7(1), 211-224.

- Kunjuraman, V. (2022). Local community participation challenges in community-based ecotourism development in Sabah, Malaysian Borneo. *Community Development Journal*, 57(3), 487-508.
- Kunjuraman, V. (2024). Challenges of Community-based Ecotourism Development in Sukau, Lower Kinabatangan, Malaysian Borneo: CBE. *Journal of Rural and Community Development*, 19(3).
- Muslim, H. F. M., & Mohd Parid, M. (2025). Ecotourism And Local Livelihoods: Addressing Gaps in Community Participation and Benefit-Sharing. *Transforming Agriculture, Forestry and Plantation for a Changing World: Towards Resilient Ecosystem and Inclusive*, 376.
- Noviani, D., Yulianti, I., & Padlilah, R. (2024). Pengembangan buah tarap (*Artocarpus odoratissimus*) dalam peningkatan kadar hemoglobin darah pada ibu hamil. *Avicenna: Journal of Health Research*, 7(2).
- Prasetyo, A., Santi, Y., & Rahmatiyah, R. (2025). Community-Based Ecotourism Training for Conservation and Income Generation. *JOURNAL OF COMMUNITY DEDICATION*, 4(4), 38-53.
- Reindrawati, D. Y. (2023). Challenges of community participation in tourism planning in developing countries. *Cogent Social Sciences*, 9(1), 2164240.
- Salim, S. S. M., & Samah, A. A. (2020). Penglibatan dan Pendayaupayaan Sosial dalam Kalangan Peserta Projek Yayasan Sejahtera di Malaysia. *Community: Pengawas Dinamika Sosial*, 6(1), 71-82.
- Squires, V. (2023). Thematic analysis. In *Varieties of qualitative research methods: Selected contextual perspectives* (pp. 463-468). Cham: Springer International Publishing.
- The International Ecotourism Society (TIES). (2015), <https://www.globalecotourismnetwork.org/>
- Thetsane, R. M. (2019). Local community participation in tourism development: The case of Katse villages in Lesotho. *Athens Journal of Tourism*, 6(2), 123-140.
- Tosun, C. (2000). Limits to community participation in the tourism development process in developing countries. *Tourism management*, 21(6), 613-633.
- Zakharchenko, P., Kostenko, G., Zhvanenko, S., & Mukhin, V. (2021). Sustainable development of environment in the tourism destination areas: tourists' perception of the issue. In *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science* (Vol. 628, No. 1, p. 012024). IOP Publishing.

ⁱ Buah tarap ialah sejenis buah tropika tempatan yang banyak terdapat di Borneo seperti Sabah dan Sarawak. Buah ini mempunyai kulit berduri lembut, isi berwarna putih krim serta bau yang kuat. Rasanya manis dan berlemak, hampir menyerupai krim. Buah tarap biasanya dimakan segar dan cepat rosak selepas masak, menyebabkan ia jarang ditemui di luar kawasan asalnya (Noviani et al., 2024).